Memperkasa Kesatuan Sekerja Melalui TVET Transformasi Tenaga Kerja Malaysia

Editor:
Fadillah Ismail[1], Rabeatul Husna Abdull Rahman[2], Azlan Abdul Latib[3]
Emel:
fadillah@uthm.edu.my[1], rabeatulhusna@utm.my[2], p-azlan@utm.my[3]

Abstrak: Memperkasa Kesatuan Melalui TVET: Transformasi Tenaga Kerja Malaysia merupakan sebuah kajian ilmiah yang mengupas secara mendalam peranan strategik TVET dan kesatuan sekerja dalam memacu agenda pembangunan modal insan negara. Mengintegrasikan perspektif dasar, industri, serta dimensi sosio-ekonomi, buku ini menghuraikan implikasi TVET terhadap kebolehpasaran graduan, kesiapsiagaan tenaga kerja terhadap Revolusi Industri 4.0, serta isu-isu struktur dalam pembangunan kemahiran nasional.
Dikarang oleh sarjana dan penyelidik berpengalaman dari UTM, UTHM dan UiTM, buku ini mengemukakan kerangka konseptual dan strategi yang sejajar dengan Dasar TVET Negara 2030 dan TVET Madani, termasuk pengukuhan budaya pembelajaran sepanjang hayat melalui peningkatan kemahiran (upskilling) dan latihan semula kemahiran (reskilling). Karya ini merupakan rujukan signifikan bagi ahli akademik, pembuat dasar, pemimpin kesatuan, dan pengamal industri yang mengkaji hubungan antara TVET, peranan kesatuan sekerja, dan keperluan pembangunan tenaga kerja masa hadapan.

Kata kunci: TVET, kebolehpasaran graduan, modal insan, peningkatan kemahiran, latihan semula kemahiran.

MEMPERKASA KESATUAN SEKERJA *melalui* TVET

Transformasi Tenaga Kerja Malaysia

EDITOR

Fadillah Ismail
Rabeatul Husna Abdull Rahman
Azlan Abdul Latib

MEMPERKASA KESATUAN SEKERJA *melalui* TVET

Transformasi Tenaga Kerja Malaysia

Memperkasa Kesatuan melalui TVET.indd 1 2/13/2026 11:50:44 AM

MEMPERKASA KESATUAN SEKERJA *melalui* TVET

Transformasi Tenaga Kerja Malaysia

EDITOR

Fadillah Ismail
Rabeatul Husna Abdull Rahman
Azlan Abdul Latib

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2026

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Editor: Fadillah Ismail, Rabeatul Husna Abdull Rahman, Azlan Abdul Latib

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor

No. Tel: 07-453 8698 / 8529
Laman web: http://penerbit.uthm.edu.my
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
http://e-bookstore.uthm.edu.my

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Dicetak oleh:

ATTIN PRESS SDN.BHD.
No. 8, Jalan Perindustrian PP4,
Taman Perindustrian Putra Permai,
43300 Seri Kembangan, Selangor, Kuala Lumpur
No. Tel: 03 - 8939 0660
E-mel: attinpress@gmail.com

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-269-5

Memperkasa Kesatuan melalui TVET.indd 4 2/13/2026 11:50:45 AM

KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN		vii
PRAKATA		ix
BAB 1	Hubungan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Peluang Pekerjaan	1
BAB 2	Kepentingan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam Pembangunan Tenaga Kerja Berkemahiran	9
BAB 3	Peranan Kesatuan Sekerja dalam Memperkasa TVET	19
BAB 4	Cabaran Kesatuan Sekerja dalam Menyokong Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)	25
BAB 5	Strategi Pemerkasaan TVET Malaysia melalui Peranan Aktif Kesatuan Sekerja	35

Memperkasa Kesatuan melalui TVET.indd 5 2/13/2026 11:50:45 AM

BIBLIOGRAFI 59
BIOGRAFI 73
INDEKS 79

Memperkasa Kesatuan melalui TVET.indd 6 2/13/2026 11:50:45 AM

KATA ALU-ALUAN

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia-Nya yang memungkinkan penerbitan buku ***Memperkasa Kesatuan Melalui TVET: Transformasi Tenaga Kerja Malaysia***. Penerbitan ini muncul pada waktu yang amat signifikan ketika Malaysia sedang melaksanakan reformasi tenaga kerja secara menyeluruh melalui Dasar TVET Negara 2030, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP) dan inisiatif TVET Madani yang menekankan kesejahteraan, keterangkuman serta pembangunan modal insan berkemahiran tinggi sejajar dengan aspirasi pembangunan negara.

Kesatuan sekerja kini muncul sebagai pemangkin strategik dalam memperkukuh ekosistem TVET negara. Peranan mereka merentas isu kebajikan termasuk menanggapi ketidaksepadanan kemahiran, memperbaiki persepsi masyarakat, merapatkan jurang akses latihan dan memperkasa penguasaan teknologi serta kompetensi hijau yang semakin penting kepada industri. Melalui advokasi terarah, dialog sosial profesional, pemantauan standard latihan dan perundingan kolektif yang progresif, kesatuan mampu memperkukuh hak pekerja terhadap peningkatan kemahiran sepanjang hayat dan memastikan tenaga kerja negara kekal relevan serta berdaya saing menghadapi perubahan masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) kekal komited memperkukuh ekosistem kesatuan sekerja melalui Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS), iaitu program kerajaan Malaysia yang menyediakan bantuan kewangan *one-off*

Memperkasa Kesatuan melalui TVET.indd 7 2/13/2026 11:50:46 AM

bagi menyokong keupayaan organisasi kesatuan serta meluaskan keberkesanan peranan mereka di lapangan. Melalui inisiatif ini, JHEKS terus menyokong usaha membina ekosistem TVET yang lebih progresif, inklusif dan mapan. Semoga penerbitan ini menjadi rujukan bernilai, seterusnya menjadi pemangkin kepada peningkatan kesiapsiagaan tenaga kerja Malaysia dalam menghadapi cabaran ekonomi dan teknologi pada masa hadapan.

Tuan Haji Mohd Asri bin Abdul Wahab

Ketua Pengarah Hal Ehwal Kesatuan Sekerja
Kementerian Sumber Manusia.

Memperkasa Kesatuan melalui TVET.indd 8 2/13/2026 11:50:46 AM

PRAKATA

Alhamdulillah, dengan limpah izin dan rahmat Allah SWT, terbitlah karya ***Memperkasa Kesatuan Melalui TVET: Transformasi Tenaga Kerja Malaysia*** — sebuah usaha ilmiah yang menyatukan renungan, analisis dan gagasan tentang masa depan tenaga kerja negara. Penerbitan ini hadir pada saat Malaysia sedang memperkukuh reformasi TVET melalui Dasar TVET Negara 2030, TVET Madani dan NIMP 2030, ketika ekosistem industri menuntut tenaga kerja yang bukan sahaja mahir tetapi juga berdaya tahan, adaptif dan dihormati haknya. Dalam arus perubahan teknologi dan ekonomi global, TVET menjadi nadi utama pembangunan modal insan, manakala kesatuan sekerja memainkan peranan strategik memastikan transformasi industri tidak mengabaikan nilai kemanusiaan dan keadilan sosial. Buku ini menghimpunkan wacana kritikal tentang jurang kemahiran, dialog sosial, pemerkasaan pekerja serta keperluan reformasi struktur TVET agar lebih inklusif, relevan dan responsif terhadap keperluan masa depan.

Sebagai Ketua Editor, saya percaya naskhah ini menawarkan panduan yang signifikan kepada pembuat dasar, ahli akademik, kepimpinan kesatuan, industri dan pelajar TVET serta khususnya kepada Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) yang memainkan peranan utama dalam memacu transformasi ekosistem hubungan perusahaan. Naskhah ini menggariskan dengan jelas bahawa masa depan TVET bukan sahaja bertunjangkan teknologi dan inovasi tetapi turut bergantung kepada sejauh mana suara pekerja diinstitusikan dalam proses pembentukan dasar.

Memperkasa Kesatuan melalui TVET.indd 9 2/13/2026 11:50:46 AM

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada semua penulis dan penyumbang yang telah menjayakan penerbitan ini. Semoga karya ini menjadi inspirasi dan pemangkin kepada pembinaan tenaga kerja Malaysia yang berkemahiran tinggi, dilindungi haknya dan bersedia mendepani cabaran dunia kerja yang sentiasa berubah.

PM Dr. Fadillah Ismail

Ketua Editor,
Memperkasa Kesatuan Melalui TVET: Transformasi Tenaga Kerja Malaysia.

Memperkasa Kesatuan melalui TVET.indd 10 2/13/2026 11:50:46 AM



BAB 1

HUBUNGAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET) DAN PELUANG PEKERJAAN

1.0 PENDAHULUAN

Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET) merupakan salah satu tunjang utama dalam pembangunan tenaga kerja negara. Dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi masa kini, keperluan terhadap tenaga kerja berkemahiran tinggi semakin meningkat. Malaysia tidak terkecuali daripada perubahan ini. Sistem TVET dilihat sebagai jalan utama bagi membangunkan modal insan yang mampu menyokong agenda perindustrian negara serta meningkatkan daya saing ekonomi.

TVET bukan sahaja berfungsi sebagai saluran latihan kemahiran tetapi turut menjadi pemangkin pada pembangunan sosial dan ekonomi. Graduan TVET kini memainkan peranan penting dalam pelbagai sektor seperti kejuruteraan, teknologi maklumat, automotif dan industri perkhidmatan. Bab ini membincangkan latar belakang perkembangan TVET di Malaysia, peranannya sebagai pemacu peluang pekerjaan, cabaran yang dihadapi oleh graduan dalam pasaran kerja serta peranan kesatuan sekerja dalam memperkukuh ekosistem TVET di negara ini.

1.1 LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL (TVET)

TVET di Malaysia telah melalui pelbagai fasa perkembangan sejak sebelum kemerdekaan sehingga ke era moden. TVET berkembang sejajar dengan keperluan negara dalam menyediakan tenaga kerja

Memperkasa Kesatuan melalui TVET.indd 1 2/13/2026 11:50:47 AM



BAB 2

KEPENTINGAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET) DALAM PEMBANGUNAN TENAGA KERJA BERKEMAHIRAN

2.0 PENDAHULUAN

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan komponen penting dalam sistem pendidikan global, khususnya dalam era Revolusi Industri 4.0 dan transformasi digital. Berbeza daripada pendidikan akademik yang lebih menumpukan teori dan penyelidikan, TVET memberi penekanan kepada latihan praktikal, kemahiran teknikal dan pendedahan kepada situasi pekerjaan sebenar. UNESCO (2022) mentakrifkan TVET sebagai instrumen pendidikan yang bertujuan melahirkan tenaga kerja berkemahiran, produktif serta mampu menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran buruh yang dinamik.

Di Malaysia, kepentingan TVET diperkukuh melalui dasar seperti Dasar TVET Negara 2030 dan Pelan Induk Perindustrian Baharu yang menekankan pembentukan tenaga kerja berkemahiran tinggi sebagai asas daya saing negara. World Bank Report (2022) menegaskan bahawa jurang kemahiran merupakan cabaran kritikal yang perlu ditangani bagi memastikan Malaysia kekal kompetitif dalam pasaran global. Dalam konteks ini, TVET bukan sahaja melahirkan pekerja untuk memenuhi keperluan industri semasa tetapi juga berperanan sebagai instrumen sosial yang menyokong mobiliti sosial dan pembangunan inklusif.

Namun, pelaksanaan TVET berdepan pelbagai cabaran seperti persepsi masyarakat yang masih menganggap TVET sebagai laluan kedua, ketidakselarasan kurikulum dengan kehendak industri,

Memperkasa Kesatuan melalui TVET.indd 9 2/13/2026 11:50:49 AM

BAB 3

PERANAN KESATUAN SEKERJA DALAM MEMPERKASA PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET)

3.0 PENGENALAN

Dalam era globalisasi dan Revolusi Industri 4.0, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menjadi komponen utama dalam pembangunan modal insan sesebuah negara. Malaysia turut menekankan kepentingan TVET melalui Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12), Dasar Pembangunan Kemahiran Nasional dan pelbagai strategi ekonomi lain. Kadar kebolehpasaran graduan TVET yang tinggi menunjukkan bahawa laluan ini berperanan sebagai kunci kepada pekerjaan yang baik dan masa depan kerjaya yang lebih terjamin.

Selaras dengan inisiatif Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) untuk mengurangkan ketidaksamarataan dan menggalakkan keterangkuman ekonomi dalam kalangan belia, Malaysia memperkukuh jaringan strategik dalam ekosistem TVET. Kerjasama antara agensi kerajaan, kesatuan sekerja, kesatuan majikan, institusi TVET dan pertubuhan masyarakat sivil amat penting bagi memastikan latihan kemahiran yang berkesan serta sokongan pasca latihan yang menyeluruh. Pendekatan ini bukan sahaja meluaskan akses kepada latihan berkualiti, malah meningkatkan peluang pekerjaan dan mobiliti sosial. Oleh itu, TVET tidak lagi dilihat hanya sebagai laluan alternatif tetapi sebagai instrumen transformasi sosial dan ekonomi, khususnya bagi generasi belia negara.

Memperkasa Kesatuan melalui TVET.indd 19 2/13/2026 11:50:51 AM



BAB 4

CABARAN KESATUAN SEKERJA DALAM MENYOKONG PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET)

4.0 PENDAHULUAN

Kesatuan sekerja merupakan institusi sosial dan ekonomi yang berperanan penting dalam memperjuangkan hak serta kebajikan pekerja. Fungsi tradisionalnya sering dikaitkan dengan isu gaji, syarat pekerjaan dan perlindungan sosial. Namun, dalam konteks semasa, peranan kesatuan telah berkembang melangkaui aspek kebajikan semata-mata. Dalam ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), kesatuan berpotensi menjadi rakan strategik dalam membentuk tenaga kerja berkemahiran tinggi, berdaya saing serta mampu menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dan tuntutan pasaran buruh. Sokongan kesatuan turut membuka ruang lebih luas kepada pekerja untuk mengikuti latihan berterusan, termasuk program peningkatan kemahiran (reskilling) dan latihan semula kemahiran (upskilling) yang amat penting dalam era Revolusi Industri 4.0.

Walau bagaimanapun, penglibatan kesatuan dalam agenda TVET masih belum berada pada tahap optimum. Antara cabaran yang dihadapi ialah perubahan pesat teknologi, kesan globalisasi terhadap struktur pekerjaan, kekangan sumber kewangan dan kepakaran, tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan pekerja terhadap kepentingan TVET serta jurang antara dasar kerajaan, kehendak industri dan keperluan tenaga kerja sebenar. Keadaan ini menunjukkan perlunya analisis kritikal terhadap peranan semasa

Memperkasa Kesatuan melalui TVET.indd 25 2/13/2026 11:50:53 AM



BAB 5

STRATEGI PEMERKASAAN TVET MALAYSIA MELALUI PERANAN AKTIF KESATUAN SEKERJA

5.0 PENDAHULUAN

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan salah satu tunjang utama kepada pembangunan modal manusia di Malaysia. Demi memperkasakannya, Dasar TVET Negara 2030 digubal bagi menyelaraskan pihak penyedia, industri dan kerajaan dalam menghasilkan tenaga kerja negara yang berkemahiran tinggi, berpendapatan baik dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran pekerjaan semasa. Pendidikan TVET dilihat dapat memainkan peranan signifikan dalam membangunkan bakat tersedia masa hadapan bagi memastikan negara tidak ketandusan bakat berkualiti untuk merealisasikan agenda besar negara dalam menjayakan hasrat negara yang mempunyai ekonomi berpengetahuan dan bernilai tinggi.

Malaysia telah melalui evolusi TVET yang progresif dan semakin selari dengan hala tuju global. Sejak asas awal sekolah teknik atau vokasional sehingga peluasan politeknik, kolej komuniti, Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan institusi kemahiran di bawah pelbagai kementerian, ekosistem TVET diperkukuh dengan kerangka piawaian (NOSS atau JPK), agenda penjenamaan semula, pembelajaran berasaskan kerja serta artikulasi akademik. Terkini, penekanan kepada ATVET seperti robotik, kecerdasan buatan (AI), *Internet of Things* (IoT) dan kemahiran hijau yang bersesuaian dengan IR4.0 dan dasar perindustrian seperti NIMP 2030. Usaha penyelarasan melalui Majlis TVET Negara atau Pusat Latihan Bersepadu Kerajaan

Memperkasa Kesatuan melalui TVET.indd 35 2/13/2026 11:50:55 AM

BIBLIOGRAFI

Ab Halim, F., & Gani, N. A. A. (2024). Strategic leadership and effective management: Bridging the gap between TVET curriculum and industry needs in Malaysia. Journal of TVET and Technology Review, 2(2), 62–69.

Abdullah, M. (2020). Humanising Education: Adab and the Future of Learning. International Institute of Islamic Thought.

Al Mamun, A., Yasser, Q. R., & Rahman, M. M. (2023). Corporate governance and firm performance: Evidence from emerging markets. Journal of Business Research, 158, 113678. https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2022.113678

Ali, N. A., Hashim, H., & Mohamad, S. (2023). Empowering union leaders through vocational policy literacy. Journal of Labour Education and Reform, 11(1), 54–71.

Alias, N., Zainuddin, N., & Rahman, N. A. (2023). Integrating VR and gamification in Malaysian TVET: A pedagogical innovation. TVET@Asia, 22, 1–15. https://tvet-online.asia/issue22/alias-et-al

Allais, S., & Wedekind, V. (2020). Targets, TVET and transformation. In Grading goal four (pp. 322–338). Brill.

Anis Farhana Amran, (2025). TVET For Social Mobility Among the Underserved: Navigating Its Promises and Perils. PNB Research Institute. PNBRI Views 02/25. February 2025

Ariffin, M. Y., Hassan, R., & Ismail, N. (2023). Strengthening union governance in Malaysia: Challenges and prospects. Asian Journal of Industrial Relations, 15(2), 45–62.

Australian Qualifications Framework Council. (2013). Australian Qualifications Framework (2nd ed.). Australian Government Department of Education.

Australian Skills Quality Authority (ASQA). (2023). About ASQA. Retrieved from https://www.asqa.gov.au

Aziz, A., Mohd Salleh, C., & Rahman, N. (2023). Bridging skills gap through industry-driven TVET curriculum. Journal of Technical Education, 12(2), 55–72.

Astarita, C., Hassan, N., & Postica, D. (2024). Working paper on EU social dialogue for up- and re-skilling: Qualitative analysis and skill intelligence-based quantitative analysis on sectors and occupations (I SKILL Project – Industrial Relations and Social Dialogue to Kick-in Inclusive Adult Learning, Deliverable 2.2). Centre for European Policy Studies (CEPS).

World Bank Report. (2022). World Development Report: Skills and Jobs for a Changing Economy. Washington, DC: World Bank.

Bernama (2025), Perjanjian kolektif (CA) instrumen komprehensif runding faedah, gaji lebih adil – Menteri. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/05/1398803/perjanjian-kolektif-ca-instrumen-komprehensif-runding-faedah-gaji

Bernama (2025). Graduan diploma Kolej Vokasional cecah 93,094, atasi sasaran KPM. Website: https://www.astroawani.com/berita-malaysia/graduan-diploma-kolej-vokasional-cecah-93094-atasi-sasaran-kpm-513059

BERNAMA. (2024). FDI inflows aligned with Malaysia's TVET agenda. Kuala Lumpur: Bernama News Agency.

Bridgford, J. (2017). Trade union involvement in skills development: An international review.

Memperkasa Kesatuan melalui TVET.indd 60 2/13/2026 11:50:56 AM

International Labour Organization.

Che Hassan, N., Yusof, H., & Mohamed, S. (2012). Collective bargaining in Malaysia: Mechanisms and outcomes. Malaysian Journal of Industrial Relations, 10(1), 21–34.

Che Mohd Salleh, C., Aziz, A., & Ismail, H. (2023). Graduate employability in Malaysia: Evidence from TVET institutions. International Journal of Vocational Studies, 9(3), 88–103.

Che Mohd Salleh, M., Rahman, N. A., & Halim, F. (2023). Union readiness for Industry 4.0: Challenges and opportunities. Asian Journal of Industrial Relations, 9(1), 33–50.

Chear, N., & Arifin, M. (2024). Unions and lifelong learning in the age of AI. International Journal of Skills Development, 9(1), 14–29.

Chear, N., & Arifin, R. (2024). Reskilling and upskilling in Malaysia: The role of trade unions in TVET ecosystem. Malaysian Journal of Labour Studies, 18(1), 25–41.

De Spiegelaere, S., & Jagodziński, R. (2020). Workplace democracy and worker voice: A research synthesis. European Trade Union Institute.

Eden, P., Jung, K., & Lee, H. (2024). Unions and vocational training systems: Bridging the relevance gap. International Journal of TVET Policy, 12(1), 21–39.

Eden, R., Wong, J., & Latif, H. (2024). Tripartite collaboration and TVET governance in Southeast Asia. Comparative Education Review, 68(1), 42–61.

Fairbrother, P., & Yates, C. A. B. (2021). Union renewal and governance: Democratic practices in changing contexts. Global Labour Journal, 12(1), 1–18. https://doi.org/10.15173/glj.v12i1.4452

Fathiyah Mohd Kamaruzzaman (2025). Graduan TVET Sebagai Pencipta Pekerjaan: Potensi, Cabaran Dan Sokongan Yang Diperlukan. Portal Berita UKM. https://www.ukm.my/beritaukm/graduan-

Memperkasa Kesatuan melalui TVET.indd 61 2/13/2026 11:50:56 AM

tvet-sebagai-pencipta-pekerjaan-potensi-cabaran-dan-sokongan-yang-diperlukan/

Fong, C., & Lim, K. (2021). Union-industry partnerships in advancing digital skills. Skills Development Review, 5(3), 88–104.

Halim, A. F., Ismail, R., & Razak, M. R. (2023). Union participation in upskilling: Challenges and legal gaps. International Labour Law Review, 18(1), 33–47.

Halim, A., Zainal, Z., & Mohd Noor, H. (2023). Policy gaps in union participation in Malaysia's TVET system. Malaysian Journal of Education Policy, 7(2), 55–70.

Halim, M., Ismail, H., & Razak, M. (2023). Structural challenges in Malaysian TVET institutions. Journal of Education Policy, 17(2), 112–128.

Hamid, M. Z. A., Hassan, R., Ismail, A., & Abdul Razak, A. Z. (2014). Transforming TVET in Malaysia: Harmonizing the governance structure. Procedia - Social and Behavioral Sciences, 112, 1110–1116. https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.01.1270

Hassan, S., Karim, R., & Latif, N. (2023). Redefining trade unions in the 21st century: From welfare to workforce development. Journal of Labour Studies, 15(2), 101–118.

Honey, P., & Mumford, A. (1986). The Manual of Learning Styles. Peter Honey Publications.

Hyman, R. (2001). Understanding European Trade Unionism: Between Market, Class and Society. London: SAGE Publications.

ILO. (2023). Skills for green transition: Global report. Geneva: International Labour Organization.

ILPKL (2025). Portal Rasmi ADTEC JTM, Kampus Kuala Lumpur. https://www.ilpkl.gov.my/2015/profile/pengenalan-institut

International Labour Organization (2010). Final report – Global Dialogue Forum on Vocational Education and Training.

Memperkasa Kesatuan melalui TVET.indd 62 2/13/2026 11:50:56 AM

MEMPERKASA KESATUAN SEKERJA *melalui* TVET

Transformasi Tenaga Kerja Malaysia

Memperkasa Kesatuan Melalui TVET: Transformasi Tenaga Kerja Malaysia merupakan sebuah kajian ilmiah yang mengupas secara mendalam peranan strategik TVET dan kesatuan sekerja dalam memacu agenda pembangunan modal insan negara. Mengintegrasikan perspektif dasar, industri, serta dimensi sosio-ekonomi, buku ini menghuraikan implikasi TVET terhadap kebolehpasaran graduan, kesiapsiagaan tenaga kerja terhadap Revolusi Industri 4.0, serta isu-isu struktur dalam pembangunan kemahiran nasional.

Dikarang oleh sarjana dan penyelidik berpengalaman dari UTM, UTHM dan UiTM, buku ini mengemukakan kerangka konseptual dan strategi yang sejajar dengan Dasar TVET Negara 2030 dan TVET Madani, termasuk pengukuhan budaya pembelajaran sepanjang hayat melalui peningkatan kemahiran (upskilling) dan latihan semula kemahiran (reskilling). Karya ini merupakan rujukan signifikan bagi ahli akademik, pembuat dasar, pemimpin kesatuan, dan pengamal industri yang mengkaji hubungan antara TVET, peranan kesatuan sekerja, dan keperluan pembangunan tenaga kerja masa hadapan.

UTHM Universiti Tun Hussein Onn Malaysia | Penerbit

ISBN 978-629-490-269-5

9 786294 902695

PENERBIT UTHM